

Analisis Syariah Terhadap Kedudukan *Bitcoin* Sebagai Alat Pembayaran

Sharia Analysis of the Bitcoin Status as Payment Method

MUHAMMAD AMIR HUSAIRI CHE RANI, Universiti Kebangsaan Malaysia

AHMAD DAHLAN SALLEH, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Bitcoin merupakan mata wang maya yang sangat popular dan memiliki kedudukan tertinggi berbanding mata wang kripto lain. Muncul sebagai mata wang disentralisasi dalam fokus mengubah sistem monetari dunia, bitcoin berhadapan dengan kekangan legitimasi, ketiadaan regulasi dan menjadi alat pembayaran yang paling ideal untuk aktiviti pelanggaran undang-undang. Secara umumnya, artikel ini akan memfokuskan perbincangan tentang mekanisme operasi bitcoin serta relevansi bitcoin dalam berfungsi sebagai medium pertukaran, alat pengukur nilai dan alat penyimpan nilai menurut perspektif Syariah. Selain itu, kertas ini menyenaraikan beberapa fatwa dan pandangan ilmuan Islam berkaitan status bitcoin menurut syariah dan melakukan analisis terhadap unsur gharar dan riba bagi menentukan status bitcoin sebagai alat pembayaran dalam akad jual beli menurut perspektif syariah. Hasil perbincangan ini menjelaskan hujah dan sebab serta hukum penggunaan bitcoin sebagai alat pembayaran menurut Syariah.

Kata kunci: Bitcoin, fungsi wang, fatwa, akad jual beli, gharar dan riba.

ABSTRACT

Bitcoin is the most popular virtual currency and ranked higher than other cryptocurrencies. Emerging as a decentralized currency in the focus of transforming the worldwide monetary system, bitcoin is confronted with legitimacy constrain, lack of regulation and becomes the ideal means of payment for illegal activities. Generally, this article will focus on discussions on the mechanism of bitcoin operations as well as the relevance of bitcoin in functioning as a medium of exchange, unit of value and store of value based on Shariah perspective. In addition, this article also lists some fatwas and views of Islamic scholars related to the status of bitcoin according to Shariah as well as analyzes the uncertainty and usury elements to determine the status of bitcoin as means of payment in sales contract according to Shariah perspective. The outcome of this discussion explains the arguments, reasons and the ruling of bitcoin usage as means of payment according to Shariah.

Keywords: Bitcoin, function of money, fatwa, sales contract, uncertainty and usury.

PENDAHULUAN

Bitcoin merupakan mata wang maya yang paling popular di seluruh pelusuk dunia pada masa kini. Kemunculan *bitcoin* pada 2009 bertujuan menjadi alat pembayaran alternatif kepada mata wang *fiat* yang sedia ada (Nakamoto 2008). Dengan berpaksikan kepada konsep kebebasan melakukan transaksi dan pembayaran permintaan kepada melonjak naik. Pergantungan penuh kepada prinsip-prinsip kriptografi dalam mengawal selia pergerakan dan aliran *bitcoin* menjadikan *bitcoin* mata wang global pertama yang tidak diregulasi oleh mana-mana agensi kewangan pusat (Meera 2018; Negurita 2014). Dengan ketiadaan regulasi dari pihak kerajaan pengguna *bitcoin* bebas menjalankan transaksi merentas sempadan kerana ketiadaan peruntukan undang-undang dalam mengawasi transaksi yang dilakukan.

Mata wang disentralisasi pertama di dunia merupakan ciri istimewa dalam menarik minat pelabur dalam memiliki dan menggunakan *bitcoin*

sebagai alat pembayaran. Selain itu, ketinggian harga mata wang *bitcoin* serta kemudahan menjalankan transaksi dengan hanya menggunakan internet turut menjadi memberi kesan yang positif terhadap permintaan *bitcoin* (Sensoy 2019). Tambahan lagi terdapat sebahagian pandangan yang mengatakan bahawa *bitcoin* adalah mata wang yang halal menurut perundangan Islam (Meera 2018). Status penghalalan *bitcoin* dapat merancakkan lagi penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran dalam kalangan umat Islam. Namun adakah *bitcoin* benar-benar halal menurut perundangan Islam? Adakah *bitcoin* selamat dari unsur *riba* dan *gharar* yang dilarang dalam muamalat Islam? Persoalan ini timbul setelah berlaku beberapa permasalahan yang melibatkan urusan niaga *bitcoin* seperti spekulasi harga *bitcoin*, penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran dalam urusan niaga narkotik yang menyalahi undang-undang dan kehilangan *bitcoin* semasa proses pertukaran di Coincheck pada Januari 2018 (Corbet et al. 2019).

Kertas ini akan membincangkan status penggunaan *bitcoin* sebagai mata wang dan alat

pembayaran menurut perspektif syariah. Selain itu, kertas ini membincangkan relevansi *bitcoin* sebagai mata wang menurut pandangan fuqaha dengan membandingkan *bitcoin* dengan fungsi mata wang. Tambahan lagi, analisis terhadap status *bitcoin* sebagai alat pembayaran dalam akad jual beli dilakukan dengan membandingkan kaedah pembayaran menggunakan *bitcoin* dengan rukun dan syarat jual beli yang telah ditetapkan syarak bagi mengenalpasti status relevansi *bitcoin* sebagai alat pembayaran sama ada patuh syariah atau tidak.

BITCOIN DAN MEKANISME OPERASI

Bitcoin adalah satu versi wang tunai elektronik yang wujud di alam maya yang membolehkan pembayaran secara dalam talian dilaksanakan antara dua pihak secara terus tanpa perlu melalui institusi kewangan sebagai perantara (Nakamoto 2008). *Bitcoin* adalah mata wang maya yang dicipta pada 2008 oleh individu yang menggunakan nama samaran, *Satoshi Nakamoto*. Mata wang ini tidak bergantung kepada mana-mana pihak berkuasa pusat. *Bitcoin* bergantung sepenuhnya kepada prinsip-prinsip kriptografi. Nama *bitcoin* juga merujuk kepada perisian bebas bagi menggunakan *coin* ini melalui rangkaian *peer-to-peer*. Tidak seperti mata wang *fiat*, *bitcoin* tidak mendasarkan kepercayaan kepada pengeluar pusat bahkan *bitcoin* menggunakan pangkalan data yang diedarkan kepada rangkaian *peer-to-peer* dengan menggunakan kriptografi untuk menyediakan fungsi asas keselamatan bagi memastikan *bitcoin* hanya boleh dibelanjakan oleh orang yang memilikinya pada satu-satu masa. Operasi pengeluaran *bitcoin* akan terhenti apabila mencapai 21 juta unit bagi mengelakkan masalah hiperinflasi (Alberts & Fry 2015; Bohme et al. 2015; Grinberg 2012; Negurita 2014; Schlichter 2014).

Bagi mendapatkan *bitcoin* ahli komuniti maya boleh membeli *bitcoin* dengan mata wang konvensional di syarikat yang menyediakan perkhidmatan penukaran wang *fiat* dengan *bitcoin* seperti *CoinBase*, *Luno* dan *Bitstamp* atau dengan *mining bitcoin* menggunakan komputer untuk “memburu” nombor yang terdiri dari 64 digit. Selepas menyelesaikan banyak teka-teki, pengguna komuniti maya akan bersaing dengan pengguna lain untuk menjana nombor yang dicari oleh rangkaian *bitcoin*. Jika komputer nombor ini, maka pengguna tersebut akan mendapat ganjaran sebanyak 25 *bitcoin*. Proses ini melibatkan pengiraan matematik yang kompleks (Alberts & Fry 2015; Negurita 2014; Schlichter 2014).

Sistem *bitcoin* berfungsi melalui gabungan kunci asimetri *public key* dan *private key* dan *peer-to-peer*. Pengguna akan mendapatkan dua kunci matematik “berkait”, *private key* yang disimpan di dalam komputer dan *public key* yang dihantar kepada pengguna yang mengharapkan wang. *Private key* bertindak seperti *password* dan *public key* pula adalah alamat pemilik *bitcoin* yang dihantar bagi mengesahkan transaksi. Penggunaan *private key* dan *public key* ini bagi memastikan keselamatan transaksi

dan kerahsiaan pengguna. Setiap transaksi yang dijalankan akan direkodkan dalam *blockchain* yang bertindak sebagai *public ledger*. Identiti individu yang terlibat dalam transaksi tidak akan terdedah kerana sistem *bitcoin* menerapkan konsep *anonymity*. Setiap transaksi adalah umum kerana dipaparkan dan diumumkan pada *blockchain* dan seluruh pengguna yang wujud dalam *blockchain* mengetahui jumlah *bitcoin* yang dipindahkan namun transaksi tersebut juga adalah *anonymous* kerana identiti individu dan produk yang diperdagangkan dalam transaksi dirahsiakan. Sesuai dengan identiti pembangun sistem *bitcoin*, *Satoshi Nakamoto*, yang *anonymous*, sistem *bitcoin* direka secara *anonymous* bagi memberi kebebasan melakukan transaksi kepada penggunaanya (Alberts & Fry 2015; Brito, Shadab & Castillo 2014; Chu 2018; Godsiff 2014; Hurlburt & Bojanova 2014; McCallum 2015; Nakamoto 2008; Negurita 2014; Zaytoun 2019).

Dengan adanya konsep *anonymity*, pengguna *bitcoin* bebas melakukan transaksi dalam mendapatkan barangan dan perkhidmatan tanpa perlu risau kepada peruntukan undang-undang. Namun dengan kewujudan *anonymity* yang menjadi pelindung kepada data maklumat privasi pengguna, konsep kebebasan pembayaran dalam sistem *bitcoin* telah disalah ertikan. *Bitcoin* menjadi alat pembayaran utama dalam transaksi yang melanggar undang-undang. Contohnya portal *Silk Road*, pasaran penjualan narkotik dan senjata secara *online* yang menggunakan *bitcoin* sebagai alat pembayaran kerana segala maklumat dilindungi oleh *anonymity*. Selain itu, dengan adanya mata wang maya seperti *bitcoin* yang melindungi data peribadi pengguna, laman perjudian *online* tumbuh dan membesar. Antara laman perjudian yang paling popular adalah *Satoshi Dice* yang beroperasi sejak tahun 2012. Pengarah urusan *BitInstant* ditangkap pada Januari 2014 kerana melakukan penggubahan wang haram (Bohme et al. 2015; Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015; Luther & White 2014; Sen & Akarslan 2018). *Bitcoin* turut menjadi alat pilihan utama dalam membiayai aktiviti keganasan. Sebagai contoh, salah satu hati utama pegganas *Daesh* adalah ‘sedekah’ yang disalurkan menggunakan mata wang kripto dengan melakukan pemindahan *bitcoin* ke akaun *bitcoin* milik *Daesh* (Hasbi & Mahzam 2018, Jawhar 2016; Sen & Akarslan 2018; Turner & Irwin 2018).

Bitcoin yang dimiliki akan disimpan bagi menjamin kebolehgunaan nilainya untuk masa hadapan. Tujuan utama penyimpanan *bitcoin* adalah melindungi *bitcoin* yang dimiliki daripada kecurian. Penyimpanan *bitcoin* secara fizikal seperti yang dipraktikkan dalam sistem mata wang *fiat* adalah mustahil kerana *bitcoin* tidak disediakan dalam manifestasi fizikal. *Bitcoin* disimpan dalam satu perisian komputer yang lengkap dengan tahap sekuriti yang tinggi iaitu *virtual wallet* sama ada di dalam komputer atau telefon pintar. Pengguna *bitcoin* perlu memasukkan *private key* sebagai kata laluan keselamatan dalam mengakses *virtual wallet* sebelum

membelanjakan *bitcoin* yang disimpan (Elasrag 2019; Ghysles & Nguyen 2018; Hurlburt & Bojanova 2014; Nakamoto 2008; Negurita 2014; Yermack 2014).

Walaupun *virtual wallet bitcoin* dilengkapi dengan tahap sekuriti yang tinggi, namun *virtual wallet* tetap menjadi sasaran utama penjenayah siber. Ketinggian nilai *bitcoin* menarik minat penjenayah siber untuk melakukan penggodaman sekaligus mencuri *bitcoin* yang disimpan. Disember 2013 menyaksikan 96000 *bitcoin* dicuri dari *Sheep Marketplace*, laman web dadah *online* di China. Seorang pemimpin *bitcoin* bertaraf dunia telah jatuh muflis ketika melakukan transaksi pertukaran *bitcoin*. Nilai *bitcoin* sebanyak 400 juta USD telah hilang sekelip mata kerana berlaku kegagalan dalam rangkaian *Mt. Gox* akibat penggodaman pada Februari 2014. Penggodaman *NiceHash*, laman pertukaran mata wang kripto yang berpangkalan di Slovenia pada penghujung 2017 menyaksikan kehilangan *bitcoin* yang bernilai 70 juta USD. Laman pertukaran *Coincheck* turut menjadi mangsa penggodaman yang mengakibatkan kehilangan *bitcoin* yang bernilai 530 juta USD. Salah satu laman pertukaran mata wang kripto terbesar dunia, *Binance*, telah digodam pada 7 Mei 2019 yang menyaksikan kehilangan 70000 *bitcoin* yang bersamaan lebih dari 40 juta USD (Acharya, Thomas & Pani 2018; Corbet et al. 2019; Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015; Kharpal 2019; Luther & White 2014; Meera 2018; Yermack 2014).

BITCOIN DAN REGULASI ANTARABANGSA

Status *bitcoin* sebagai mata wang dan alat pembayaran di peringkat global masih belum dapat dipastikan kerana ketiadaan perundangan di peringkat antarabangsa dalam meregulasi *bitcoin*. *Internal Revenue Service* (IRS) Amerika Syarikat, mengisytiharkan bahawa *bitcoin* dan mata wang maya lain sebagai harta yang dicukaikan dan setiap operasi yang melibatkan *bitcoin* dan mata wang maya lain dikenakan cukai. Setiap syarikat perniagaan *bitcoin* di Amerika Syarikat perlu didaftarkan dengan *Finance Crime Enforcement Network* (FinCen) sebagai *money transmitter*. Menurut *FinCen* pertukaran *bitcoin* yang dijalankan tergolong dalam kategori perkhidmatan kewangan dan bukannya mata wang dalam erti kata sebenar. Walaupun *bitcoin* diregulasi sebagai harta yang dicukaikan namun pihak *Security and Exchange Commission* (SEC) Amerika Syarikat telah menolak sembilan produk pertukaran berasaskan *bitcoin* yang dicadangkan oleh *Winklevoss*. Ini menunjukkan wujudnya ketegangan antara pihak regulator Amerika Syarikat dengan pengurus pasaran mata wang kripto. Presiden Amerika Syarikat, *Donald Trump*, pula menyatakan tidak menyukai mata wang tidak berdaulat seperti *bitcoin*. Ini menjelaskan bahawa wujud ketidakpastian regulasi *bitcoin* pada masa hadapan di Amerika Syarikat (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2018; Brown 2019; Godsiff 2015; Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015; Likhuta et. al 2017; Luther 2019; Pragoyo 2018; Terzo 2019; Xie 2019).

European Union (EU) juga tidak memberi kepastian dalam status *bitcoin*. *European Commission* pada 22 Oktober 2015 telah membuat keputusan bahawa transaksi pertukaran antara mata wang tradisional dengan *bitcoin* dan sebaliknya adalah dibenarkan dan akan dikenakan cukai. Pihak *EU* pada 12 Februari 2018 memberi amaran kepada pengguna mata wang maya bahawa mata wang tersebut sangat berisiko dan tidak diregulasi. Pihak *European Commission* pada 8 Mac 2018 telah mengemukakan pelan tindakan dalam memanfaatkan peluang yang dibentangkan oleh inovasi teknologi kewangan dalam perkhidmatan kewangan seperti *blockchain*, *artificial intelligence* dan *cloud service*. Namun presiden Bank Pusat Eropah, *Mario Draghi*, memberi amaran bahawa *bitcoin* dan mata wang digital lain adalah aset yang sangat berisiko berdasarkan kadar volatiliti yang sangat tinggi dan spekulasi harga. Pihak Bank Pusat Eropah juga menjelaskan bahawa aset digital termasuk *bitcoin* adalah aset yang sangat berisiko dan tidak berfungsi sebagai mata wang dalam ekonomi sebenar (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2018; European Central Bank 2019; Godsiff 2015; Jeans 2015; Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015; Library of Congress 2018; Likhuta et. al 2017; Luther 2019; Pragoyo 2018; Xie 2019).

Bitcoin adalah komoditi yang bernilai dan Finland tidak mempunyai regulasi spesifik terhadap mata wang maya. Kenyataan telah dikeluarkan oleh beberapa agensi di Finland berkait dengan pandangan dan nasihat mereka terhadap mata wang maya. Satu kenyataan telah dikeluarkan oleh pihak Bank Pusat Finland pada 2014 berkait dengan mata wang maya terutamanya *bitcoin* yang sememangnya berkait rapat risiko. Menurut pernyataan pihak bank tidak mengawal selia penggunaan *bitcoin* dan mata wang tersebut bukanlah alat pengukur nilai seperti yang ditetapkan dalam Akta Perkhidmatan Pembayaran. Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh *The Finnish Financial Supervisory Authority* pada 2017 mata wang maya adalah pelubaran alternative yang sangat berisiko. Berdasarkan *initial coin offering* (ICO) badan ini turut membuat pernyataan akan kemungkinan terdapat pengawalseliaan sebagai langkah pematuhan terhadap peraturan EU dalam Dana Pelaburan Alternatif. Pengeluaran satu laporan dari bank pusat pada 2017 menunjukkan bank pusat cukup positif terhadap *bitcoin* dan melaporkan bahawa *bitcoin* sebagai revolusi. Rentetan dari itu *bitcoin* diterima sebagai perkhidmatan kewangan yang tidak dikenakan cukai di Finland (Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015; Library of Congress 2018; Pragoyo 2018).

Bitcoin pada mulanya diiktiraf sebagai mata wang persendirian di Jerman. Namun pernyataan *The German Federal Financial Supervisory Authority* (BaFin) yang menyatakan bahawa mata wang maya atau mata wang kripto adalah alat pengukur nilai sekaligus mengiktiraf *bitcoin* sebagai instrumen kewangan. Pengambilalihan token oleh syarikat atau individu sama ada penjualan atau pembelian token

secara komersial atau penyediaan perkhidmatan pembrokeran utama dalam token melalui platform pertukaran perlu mendapat kebenaran daripada BaFin terlebih dahulu. Panduan mengenai percukaian terhadap *bitcoin* dan mata wang maya lain telah diterbitkan oleh Kementerian Kewangan Jerman pada Februari 2018. Pihak *Bundesbank* mengesyorkan *bitcoin* dipanggil *crypto-token* yang menunjukkan bahawa *bitcoin* sah digunakan di Jerman (Godsiff 2015; Jeans 2015; Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015; Library of Congress 2018; Pragoyo 2018).

Denmark pada mulanya tidak mengiktiraf *bitcoin* sebagai mata wang mahupun aset. Pihak *Financial Supervisory Authority* Denmark pada 2017 menyatakan ketiadaan regulasi dari badan tersebut terhadap penggunaan mata wang maya sebagai alat pembayaran. Namun pada 2018 pihak Badan Percukaian Denmark menyatakan bahawa segala keuntungan yang diperolehi dalam pelaburan mata wang maya akan dikenakan cukai dan kerugian yang ditanggung tidak termasuk dalam kategori cukai (Library of Congress 2018).

Menurut laporan yang diterbitkan oleh *Banque de France* pada 2013, buat masa itu *bitcoin* tidak diiktiraf sebagai mata wang atau alat pembayaran menurut undang-undang Perancis. *Prudential Supervisory Authority* (ACPR) pada 2014 mensyaratkan setiap penjualan dan pembelian perlulah dilakukan secara berlesen dan diiktiraf. Oleh badan tersebut. Namun pihak *The French Financial Market Authority* (AMF) dan *Prudential Supervisory Authority* (ACPR) menyatakan pada 2017 bahawa pembelian, penjualan dan pelaburan *bitcoin* tidak termasuk dalam mana-mana pasaran yang diregulasi. Amaran telah dikeluarkan oleh pihak AMF kepada pelabur pada Mac 2018 akan risiko pembelian aset digital dari sumber yang tidak berdaftar. Dalam langkah meregulasi mata wang kripto kerajaan Perancis pada April 2019 memperkenalkan kaedah pengawalseliaan baharu. Setiap pembekal perkhidmatan yang membekalkan aset digital kepada pihak ketiga atau menjalankan urusan niaga tukaran aset digital dengan *legal tender* perlu mendapatkan lesen dari AMF atau tindakan akan diambil. Setiap pembekal yang tidak mendapat lesen dan pengesahan dari AMF dilarang dari menaungi, membiayai dan menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan aset digital (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2019; Boring 2018; Godsiff 2015; Helms 2019; Library of Congress 2018).

Gabenor *Bank of England* menyatakan bahawa regulasi mata wang kripto adalah sangat diperlukan. Ini kerana United Kingdom (UK) tidak mempunyai undang-undang spesifik dalam meregulasi mata wang kripto seperti *bitcoin*, *ethereum* dan lain-lain. Dalam menangani kegiatan jenayah, menggalakkan integriti pasaran dan bagi menjamin keselamatan kewangan regulasi ekosistem mata wang kripto merupakan tindakan terbaik. Menerusi regulasi ini *bitcoin* dan mata wang kripto lain tergolong sebagai salah satu instrumen percukaian di UK (Bodarenko, Kichuk &

Antonov 2019; Library of Congress 2018; Pragoyo 2018).

Penggunaan mata wang kripto termasuk *bitcoin* adalah dibenarkan di Kanada. Menurut *Financial Consumer Agency of Canada* mata wang kripto boleh digunakan oleh individu di Kanada bagi mendapatkan barangan dan perkhidmatan dalam urusan niaga *online* dan di kedai yang menerima mata wang kripto sebagai alat pembayaran. Penjualan dan pembelian mata wang digital juga dibenarkan pada pertukaran terbuka. Namun mata wang kripto termasuk *bitcoin* bukanlah *legal tender* di Kanada. Mata wang kripto seperti yang disifatkan oleh *The Canada Revenue Agency* (CRA) adalah sebagai komoditi dan bukanlah mata wang yang diterbitkan oleh kerajaan (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2018; Jeans 2015; Library of Congress 2018).

Bank Negara Jepun pada Mac 2014 mulanya tidak mempunyai rancangan dalam meregulasi *bitcoin* Namun pendapat untuk meregulasi *bitcoin* telah disuarakan oleh badan berautoriti Jepun selepas berlakunya kemuflihan di bursa *Mt. Gox*. *Bitcoin* mula diiktiraf sebagai *legal tender* di Jepun pada 2016. Pindaan Akta Perkhidmatan Pembayaran pada Jun 2016 telah mendefinisikan mata wang kripto sebagai harta bernilai dan boleh digunakan sebagai alat pembayaran yang sah dalam pembelian atau sewaan terhadap barangan dan perkhidmatan. Namun *bitcoin* dan mata wang kripto lain tidak dikategorikan sebagai instrumen percukaian di Jepun (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2019; Godsiff 2015; Jeans 2015; Library of Congress 2018; Pragoyo 2018).

Menurut undang-undang Korea Selatan transaksi urusan niaga menggunakan mata wang kripto dibenarkan dan transaksi tersebut perlu dilakukan menerusi akaun bank dengan menggunakan nama sebenar bermula pada 30 Januari 2018. Korea Selatan juga mensyaratkan setiap peniaga mata wang kripto mengikat kontrak dengan pihak bank perdagangan berkaitan dengan perdagangan mata wang kripto. Pihak bank akan menguji tahap pengurusan dan sistem sekuriti pedagang mata wang kripto sebelum kontrak ditandatangani. Peniaga dan pedagang mata wang kripto perlu mempunyai akaun di bank yang sama bagi memastikan deposit mata wang kripto ke dalam *e-wallet* dapat dilakukan. Identiti pelanggan mata wang kripto akan diperiksa oleh pihak bank semasa membuka akaun dan maklumat peniaga mata wang kripto akan dikongsi kepada pihak pelanggan sebagai langkah sekuriti. Semakan maklumat peribadi peniaga mata wang kripto juga boleh dilakukan dengan pihak bank semasa pendaftaran akaun. Pengeluaran mata wang kripto oleh peniaga mata wang kripto yang *anonymous* boleh dilakukan dari akaun mata wang kripto mereka namun mereka disekat dari melakukan deposit baru. Pihak *Financial Supervisory Service* pada 20 Februari 2018 menyatakan sokongan kerajaan terhadap perdagangan mata wang kripto dan memberi galakan kepada institusi kewangan dalam memberi kemudahan transaksi mata wang kripto (Library of Congress 2018).

Penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran dan proses pertukaran mata wang *bitcoin* adalah dilarang di Rusia. Namun kerajaan Rusia menerusi Kementerian Kewangan Rusia telah menerbitkan satu draf undang-undang berkenaan aset digital pada 20 Januari 2018. Draft undang-undang tersebut memperuntukkan aktiviti *mining* sebagai aktiviti yang mewujudkan mata wang kripto dengan menyasarkan penerimaan pampasan berbentuk mata wang kripto. Walaupun aktiviti *mining* dianggap sebagai aktiviti keusahawanan, pihak *miner* akan dikenakan cukai jika melebihi had penggunaan tenaga yang disediakan oleh kerajaan selama tiga bulan berturut-turut. Rang undang-undang mengklasifikasi *bitcoin* sebagai harta bukannya sebagai *legal tender*. Pertukaran mata wang kripto dengan *ruble* Rusia atau mata wang asing adalah dilarang menurut rang undang-undang kecuali melalui platform yang berlesen dan berdaftar di bawah kerajaan Rusia. Berdasarkan pindaan undang-undang pada 1 Julai 2018 *bitcoin* dan mata wang kripto lain dikategorikan sebagai harta yang dicukaikan (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2019; Jeans 2015; Library of Congress 2018).

Pihak bank dan institusi pembayaran China telah menyatakan larangan dan sekatan terhadap sebarang urusan yang melibatkan *bitcoin*. Sekatan tersebut meliputi pelarangan terhadap institusi kewangan dan pembayaran dari menggunakan *bitcoin* sebagai pengukur nilai barangan dan perkhidmatan. Selain itu, larangan tersebut juga terpakai kepada segala aktiviti kewangan yang berkait dengan *bitcoin* seperti penjualan, pemberian dan pertukaran. Tujuh regulator kerajaan China telah mengumumkan larangan ketat terhadap *bitcoin* dan mata wang maya lain pada 4 September 2017. Penjualan, pembelian dan pertukaran *bitcoin* dengan *yuan* China atau dengan mata wang asing adalah dilarang kerana pihak bank dan institusi kewangan menyekat segala urusan berkaitan *bitcoin*. September 2017 juga menyaksikan kerajaan China telah menutup platform pertukaran dan perdagangan mata wang kripto. Larangan ketat oleh kerajaan China terhadap *bitcoin* dan mata wang maya lain sekali lagi dilaksanakan pada Januari 2018 dengan menyekat aktiviti *mining* (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2019; Godsiff 2015; Jeans 2015; Library of Congress 2018; Luther & White 2014; Xie 2019; Zhang 2018).

Sebarang perdagangan yang melibatkan *bitcoin* adalah menyalahi undang-undang India dan pihak kerajaan telah memberi amaran kepada pengguna agar tidak menggunakan *bitcoin* sebagai alat pembayaran. Kerajaan India telah menyatakan bahawa mata wang kripto seperti *bitcoin* bukanlah *legal tender*. Rang undang-undang telah dirangka oleh jawatankuasa antara menteri-menteri bagi mengharamkan mata wang kripto termasuk *bitcoin*. Setiausaha kewangan yang mengetuai jawatankuasa tersebut, *Subash Chandra Garg*, sebelum ini telah mengeluarkan amaran kepada pelaburan mata wang kripto. Walaupun rang undang-undang baru di peringkat rundingan namun prospek jangka panjang tidak

menjanjikan keputusan yang baik terhadap mata wang kripto di India (Jeans 2015; Library of Congress 2018; NewsBTC 2019).

Menurut kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada 2 Januari 2014 bahawa *bitcoin* tidak diiktiraf sebagai *legal tender* di Malaysia dan segala operasi *bitcoin* tidak diregulasi oleh BNM. Namun pihak BNM pada 14 Disember 2017 telah mengeluarkan polisi bahawa setiap transaksi yang melibatkan pertukaran mata wang digital *Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLA)*. Pihak Kementerian Kewangan Malaysia pada 14 Januari 2019 telah mengumumkan regulasi kerajaan terhadap *bitcoin* dan mata wang digital lain sebagai aset digital. Setiap aktiviti yang melibatkan *bitcoin* dan mata wang digital yang lain perlu mendapat kelulusan dari Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. *Bitcoin* hanya diiktiraf sebagai aset digital bukan *legal tender* (Bank Negara Malaysia 2014; Kementerian Kewangan Malaysia 2019; Library of Congress 2018).

Satu pekeliling telah dikeluarkan oleh *Bank of Thailand* pada 12 Februari 2018 meminta institusi kewangan menahan diri dari melakukan sebarang urusan niaga yang melibatkan mata wang kripto. Transaksi yang melibatkan pertukaran mata wang kripto antara *Bangkok Bank* dengan salah satu syarikat persendirian *Thai Digital Asset Exchange (TDAX)* telah dihentikan oleh bank tersebut pada 24 Februari 2018. Pihak *Krungthai Bank* juga telah menghentikan transaksi berkaitan mata wang kripto dengan TDAX menerusi akaun bank pada. Satu undang-undang baru dalam meregulasi mata wang kripto telah diwartakan pada 13 Mac 2018. Kesemua transaksi aset digital termasuk pertukaran aset digital, *broker* dan *dealer* perlu didaftarkan dengan pihak berkuasa yang berkaitan. Penggunaan mata wang maya seperti *bitcoin* adalah sah menurut undang-undang Thailand namun pihak bank melarang segala transaksi yang melibatkan mata wang maya termasuk *bitcoin* (Library of Congress 2018).

Amaran telah dikeluarkan oleh pihak Bank Indonesia pada 13 Januari 2018 berkaitan pembelian, penjualan atau pertukaran mata wang maya. *Bitcoin* dan mata wang maya lain bukanlah alat embayaran yang sah di Indonesia dan penggunaan mata wang maya termasuk *bitcoin* di Indonesia adalah dilarang sama sekali. Pihak Bank Indonesia menyatakan bahawa mata wang maya seperti *bitcoin* mempunyai risiko yang sangat tinggi kerana sangat terdedah kepada risiko *bubble*, penggabungan wang haram dan pembiayaan keganasan. Mata wang maya juga berpotensi memberi impak kepada kestabilan sistem kewangan dan boleh membahayakan masyarakat (Library of Congress 2018; Pragoyo 2018).

Walaupun pihak Bank Dunia menggelar mata wang maya seperti *bitcoin* sebagai skim *Ponzi* laman media sosial paling popular di dunia iaitu *Facebook* tetap akan melancarkan mata wang maya miliknya yang digelar *GlobalCoin* pada tahun 2020. *Microsoft*

pula telah melancarkan pelaksanaan infrastruktur disentralisasi pertama yang bernama *Ion*. Infrastruktur tersebut dibina secara langsung di *bitcoin blockchain* (Cuen 2019; Davradakis & Santos 2019; Meera 2018; Zhao 2019).

Dengan kesamaran status *bitcoin* sebagai *legal tender* di peringkat antarabangsa ditambah lagi dengan keupayaan *anonymity bitcoin* sebagai platform penyembunyian identiti untuk transaksi barangan terlarang, kegiatan jenayah dan keganasan serta sensitiviti *virtual wallet bitcoin* kepada keralatan sistem dan pelanggaran sekuriti siber menimbulkan persoalan tentang status penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran dalam akad jual beli sama ada sah atau tidak di sisi Syariah Islam.

BITCOIN MENURUT EKONOMI: FUNGSI MATA WANG ISLAM

Islam tidak menolak sistem mata wang dalam urusan harian manusia bahkan Rasulullah s.a.w. sendiri melakukan urus niaga menggunakan emas dan perak walaupun sistem mata wang tersebut diwarisi dari tamadun Rom dan Parsi. Secara umumnya Islam tidak menetapkan bentuk khusus bagi mata wang yang digunakan dalam urus niaga harian memandangkan mata wang yang digunakan pada zaman Rasulullah s.a.w. diterima umum sebagai instrumen pembayaran (Al-Maqrīzi 1998; Hasan 1999).

Mata wang didefinisikan sebagai benda yang dipersetujui dan diiktiraf oleh masyarakat sebagai alat perantaraan *untuk* menjalankan kegiatan pertukaran dan perdagangan (Sadono Sukirno & Mohamed Aslam 1999). Setiap benda yang dijadikan mata wang sama ada dalam bentuk cengkerang, batu, emas atau kertas tetap akan berfungsi sebagai medium pertukaran, alat pengukur nilai dan alat penyimpan nilai. Selain itu, mata wang yang digunakan dalam urus niaga harian perlu diterima umum, mempunyai nilai yang stabil dan menjadi alat pembayaran tertunda iaitu hutang (al-Maṣri 2013; Mishkin 2009). *Bitcoin* yang diperkenalkan sebagai mata wang baru yang wujud di alam maya dalam bentuk digital perlu memenuhi fungsi mata wang agar *bitcoin* relevan digunakan sebagai mata wang dalam sistem ekonomi dan kewangan.

MEDIUM PERTUKARAN

Menurut *Sloman* (2006) setiap benda yang dijadikan medium pertukaran perlulah diterima umum sebagai alat pembayaran untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan. Fizikal mata wang perlulah ringan, mudah dibawa, boleh ditukarkan kepada unit-unit kecil dan tidak mudah dipalsukan. *Bitcoin* adalah mata wang yang sangat ringan dan sangat mudah dibawa kerana *bitcoin* disimpan dalam *virtual wallet* yang dipasang pada telefon pintar. *Bitcoin* tidak mudah dipalsukan kerana *bitcoin* dilengkapi perisian yang menyekat dari berlakunya *double spending* (Alberts & Fry 2015; Nakamoto 2008).

Sebagai mata wang baru dalam sistem monetari dunia penggunaan *bitcoin* sebagai medium pertukaran dalam urus niaga dilihat memberi keuntungan kepada penggunanya. Transaksi *bitcoin* bebas dilakukan tanpa perlu risau kepada peruntukan undang-undang dan sempadan negara kerana *bitcoin* adalah mata wang disentralisasi. Disentralisasi *bitcoin* bermaksud mata wang tersebut tidak diterbit dan dikawal selia oleh mana-mana negara. Namun penerapan disentralisasi dalam sistem kewangan *bitcoin* menjadikan *bitcoin* tidak diterima umum sebagai *legal tender* oleh mana-mana negara (Amarnath 2018; Greenwalt 2016; Grinberg 2012; Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015; Schlichter 2014; Swartz 2014).

Pengiktirafan sesebuah mata wang sebagai *legal tender* sangat penting kerana ia menjadi tunjang asas kepada penerimaan umum terhadap mata wang tersebut sebagai medium pertukaran. *Abu Bakar* (2018) mengatakan *legal tender* bukanlah perkara penting kerana mata wang menurut Syariah jika diterima umum berdasarkan undang-undang atau penggunaan secara meluas dikira sebagai *legal tender*. Zulkhibri (2019) pula menyatakan bahawa pihak kerajaan perlu bertanggungjawab dalam menguruskan fungsi keseluruhan infrastruktur pembayaran mata wang kripto. Selain itu, beliau berkata pihak kerajaan perlu bertanggungjawab dalam mengekalkan integriti lebar transaksi pusat, protokol dan sebarang komponen skim mata wang digital. Pihak kerajaan juga perlu memastikan kesemua individu dan syarikat yang terlibat dengan mata wang kripto mematuhi peraturan dan skim pengawasan.

Walaupun Bakar (2019) mengatakan mana-mana mata wang yang menjadi medium pertukaran tidak diwajibkan mendapat pengiktirafan negara dari segi kesahihan dan perakuan Syariah akan tetapi untuk diiktiraf dan dikawal selia oleh pihak kerajaan sebagai *legal tender* sesebuah mata wang perlulah diterbit oleh pihak kerajaan kerana tugas mencetak *legal tender* adalah autoriti pihak kerajaan. Ini memastikan legitimasi mata wang dalam kitaran ekonomi semasa serta memastikan mata wang yang diterbit berdaulat dan diterima umum. Dengan adanya cap pemerintah ke atas wang yang diterbitkan dapat menjamin keselamatan penggunaan mata wang dalam urus niaga (Al-Bablāwi 1998; Al-Turkimāni 1988; Ibn Khaldūn 2004). *Bitcoin* berbeza dengan mata wang *fiat* yang wujud dalam bentuk syiling dan kertas sebagai *legal tender* yang diterbit oleh bank pusat dan diterima sebagai medium pertukaran di sesebuah negara. *Bitcoin* pula sejenis mata wang berbentuk digital yang tidak dikeluarkan oleh mana-mana bank pusat. *Bitcoin* dikeluarkan dan dikawal oleh pembangunnya dan digunakan serta diterima sebagai alat pembayaran oleh komuniti maya yang spesifik. Jadi tiada alasan yang munasabah kepada pihak kerajaan dalam memberikan status *legal tender* kepada *bitcoin* kerana mata wang tersebut berada diluar kawalan mereka (Greenwalt 2016; Lo & Wang 2014; Meera 2018;

Negurita 2014; Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015; Zulkhibri 2019).

Pengkhususan tanggungjawab penerbitan mata wang kepada pihak kerajaan merupakan satu cara dalam menyembahkan ketaatan kepada Allah s.w.t berdasarkan firman Allah s.w.t. (al-Nisā' 4:59):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada *ulī al-Amr* (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.

Sahl al-Tustari menyatakan bahawa terdapat tujuh aspek dalam mentaati pemerintah iaitu penempatan dan penerbitan mata wang, penetapan berat dan timbangan, keputusan hukum, haji, *jum'ah*, dua hari raya dan jihad pada jalan Allah (Al-Qurtubi 2006).

Percetakan dan penerbitan mata wang oleh individu seperti dalam sistem kewangan *bitcoin* adalah dilarang dalam Islam. Al-Nawawi (2005) mengatakan bahawa perbuatan mencetak mata wang dilarang ke atas individu kerana boleh menyebabkan kerosakan dan kejatuhan nilai mata wang yang akan memberi masalah dalam sistem kewangan. Ibn Taymiyyah (2004) menegaskan penerbitan dan pengeluaran mata wang adalah tanggungjawab pemerintah. Pemerintah juga bertanggungjawab dalam mengawal nilai mata wang agar adil demi menjaga *maṣlahah* masyarakat setelah mata wang yang dikeluarkan pemerintah diterima umum dalam urusan niaga.

Penyerahan kuasa percetakan mata wang kepada pemerintah bagi memastikan pengaliran mata wang secara total dalam kitaran ekonomi harian dan bagi menyekat monopoli mata wang kerana pengaliran dan perdagangan mata wang tidak boleh hanya dilakukan antara golongan yang kaya sahaja atau dengan sebahagian individu sahaja. Setiap urusan niaga perlulah dilakukan secara umum tanpa wujud kepada sekatan pasaran bagi memastikan sesebuah mata wang diterima umum sebagai medium pertukaran (Assāf 2019; Ibn Zughaybah 2001). Larangan terhadap aktiviti monopoli dapat difahami dari firman Allah s.w.t. (al-Ḥashr 59:7):

كَيْ لَا يَكُونَ دَوْلَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ

Maksudnya: Ketetapan yang demikian supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu.

Dalam sistem kewangan *bitcoin* individu yang mencapai tahap 50 % dalam proses *mining* dapat mengawal pergerakan *blockchain* dan ini dapat mewujudkan monopoli dalam pertukaran dan *mining bitcoin* serta memanipulasi *blockchain* untuk kegiatan yang menyalahi undang-undang (Adam 2017; Billah & Amadu 2019). Ini merupakan salah satu sebab bahawa *bitcoin* tidak relevan dijadikan sebagai medium pertukaran.

Selain dari penerimaan umum sebagai *legal tender*, *bitcoin* juga tidak mempunyai nilai intrinsik. Ini kerana nilai *bitcoin* tidak disandar pada mana-

mana komoditi (Billah & Amadu 2019; Chudinovskikh & Sevryugin 2019; Meera 2018; Negurita 2014; Piazza 2017; Ram 2019; Yermack 2014). Mata wang dalam Islam terbahagi kepada dua bahagian iaitu *al-Thaman al-Khilqi* dan *al-Thaman al-Iṣṭilāhi*. *Al-Thaman al-Khilqi* adalah mata wang yang mata wang yang disandar nilainya pada emas dan perak manakala *al-Thaman al-Iṣṭilāhi* pula mata wang yang disandar nilai kepada penerimaan umum sebagai medium pertukaran seperti *fulūs* (Zulkhibri 2019). *Bitcoin* bukanlah *al-Thaman al-Khilqi* kerana nilai *bitcoin* tidak disandar kepada emas atau perak dan *bitcoin* juga bukanlah *al-Thaman al-Iṣṭilāhi* kerana *bitcoin* tidak diterima umum sebagai medium pertukaran. Namun Kakkatil (2019) mengatakan bahawa 12.5 *bitcoin* lebih banyak dari 12.5 gram emas dan beliau berkata *bitcoin* lebih intrinsik dari emas.

Perlu difahami bahawa *bitcoin* adalah mata wang digital yang tidak disandar kepada mana-mana komoditi dan nilai *bitcoin* adalah mitos kerana sumber nilai utama *bitcoin* adalah penggunaan dan penerimaan terhadap mata wang tersebut (Luther 2016; McCallum 2015; Peterson 2019). Untuk mengatakan *bitcoin* adalah *al-Thaman al-Iṣṭilāhi* seperti *fulūs* dan mata wang *fiat*, *bitcoin* perlu diterima umum sebagai medium pertukaran kerana *illat al-Thamaniyyah* bagi *al-Thaman al-Iṣṭilāhi* adalah penerimaan umum. Al-Zayla'ī (1896) menukulkan pendapat Muḥammad Ibn al-Hasan tentang *thamaniyyat al-Fulūs* bahawa *fulūs* jika diterima umum dan popular dalam kalangan masyarakat sebagai medium pertukaran maka segala hukum *al-Naqdayn* terpakai ke atas *fulūs*. Al-Maqrīzi (2007) merekodkan bahawa mata wang *fulūs* ditempa pada zaman Ṣalāḥ al-Dīn al-Ayyūbi dan diterima umum sebagai medium pertukaran untuk urusan niaga bernilai kecil. Untuk mengatakan *bitcoin* sama seperti *fulūs* adalah tidak relevan kerana syarat utama bagi sesebuah mata wang diiktiraf sebagai medium pertukaran mestilah diterbitkan oleh kerajaan dan diterima umum.

ALAT PENGUKUR NILAI

Untuk menjadi alat pengukur nilai seperti mata wang lain, *bitcoin* perlu mempunyai kemampuan dalam mengukur nilai barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi. Namun dengan penggunaan beberapa titik perpuluhan dalam sistem kewangan *bitcoin* menyebabkan pengukuran nilai agak mengelirukan pengguna dan menjadi masalah kepada pengguna dalam membandingkan harga barang dan perkhidmatan jika dibandingkan dengan mata wang *fiat* yang hanya menggunakan dua titik perpuluhan sebagai ungkapan harga. Penjual perlu mengungkap harga *bitcoin* untuk kebanyakan barangan dalam empat titik perpuluhan atau lebih dari itu. Walaupun matematik adalah mudah, bagi pengguna titik perpuluhan ini mungkin akan membingungkan. Sebagai contoh, lawatan ke peruncit makanan dalam talian menawarkan tawaran sebalang salsa untuk 0.01694 BTC, satu bar coklat untuk 0.00529 BTC dan

pek teh pelbagai untuk 0.05255 BTC. Selain itu, harga ini boleh dinyatakan dalam notasi saintifik seperti 1.694×10^{-2} BTC, 5.29×10^{-3} BTC dan 5.255×10^{-2} BTC. Adalah sukar mencari mana-mana mata wang lain di dunia yang mana harga diungkapkan dalam unit sebegini dan sememangnya banyak produk pengisian perakaunan yang digunakan secara meluas hanya boleh menampung dua titik perpuluhan dalam harga yang baik (Acharya, Thomas & Pani 2018; Chudinovskikh & Sevryugin 2019; Kancs, Ciaian & Rajcjanova 2015; Yermack 2014).

Selain dari ungkapan harga yang memeningkan, nilai *bitcoin* menunjukkan volatiliti harga yang sangat ekstrim dan ia boleh menyekat *bitcoin* menjadi alat pengukur nilai yang baik. Volatiliti harga yang ekstrim menyebabkan tambahan kos secara langsung atau tidak langsung kepada perniagaan dan pengguna. Ini kerana nilai *bitcoin* jika dibandingkan dengan nilai mata wang yang lain, berubah dengan pantas sehingga menyebabkan peruncit terpaksa mengira semula harga barang setiap hari. Menurut CoinDesk (2019) harga satu *bitcoin* bersamaan 13,057.35 USD pada 10 Julai 2019 dan pada 15 Julai 2019 harga *bitcoin* jatuh dengan mendadak iaitu 9,945.55 USD untuk satu *bitcoin*. Harga *bitcoin* pada 26 Julai 2019 masih lagi mencatat penurunan iaitu 9,778.08 USD untuk satu *bitcoin* namun harga *bitcoin* melonjak kepada 10,121.52 USD untuk satu *bitcoin* pada 27 Julai 2019. Ini merupakan praktikal yang tidak sihat dan akan memeningkan pembekal dan pengguna. Ketidakstabilan nilai *bitcoin* yang hanya bergantung kepada permintaan dan penawaran *bitcoin* dapat menghalang relevansi *bitcoin* sebagai alat pengukur nilai (Acharya, Thomas & Pani 2018; European Central Bank 2019; Kancs, Ciaian & Rajcjanova 2015; Luther & White 2014; Reiners 2019; Yermack 2014).

Namun volatiliti *bitcoin* memberi kesan positif kepada harga *bitcoin* kerana volatiliti nilai dapat meningkatkan permintaan terhadap *bitcoin* serta menggalakkan pemilik *bitcoin* mengambil bahagian dalam ekonomi (Erdas & Caglar 2018; Sensoy 2019). Bakar (2019) mengatakan bahawa volatiliti harga pasaran *bitcoin* adalah ketetapan Allah s.w.t dan Shariah tidak mentaklifkan manusia bagi menjamin kestabilan harga sesuatu barang termasuk harga emas, perak dan minyak Akan tetapi dengan turun naik harga *bitcoin* yang sangat ekstrim ini jelas mewujudkan unsur *speculation* yang diharamkan syarak (Elasrag 2019; Oziev & Yandiev 2018; Zahudi & Amir 2016). Allah s.w.t berfirman (al-Mā'idah 5:90):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan tilik nasib menggunakan batang-batang anak panah adalah kotor dan keji dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Zulkhibri (2019) mengatakan unsur *maysir* dalam sistem kewangan adalah rendah namun ia tetap

mengandungi unsur *maysir* yang dilarang syarak. Kaedah fiqh menyatakan:

الضرر يزال.

Maksudnya: Darar mesti dihapuskan (Al-Suyuti 2006).

Oleh itu, penggunaan *bitcoin* yang mengandungi unsur *speculation* dan *maysir* yang dilarang syarak sebagai alat pengukur dalam menetapkan nilai barangan dan perkhidmatan adalah tidak relevan dan perlu dijauhi.

Selain itu, unsur *gharar* juga wujud kerana *bitcoin* tidak mempunyai nilai yang tetap pada satu tempoh masa tertentu (Abu Bakar, Rosbi & Uzaki 2017; Elasrag 2019). Walaupun Bakar (2019) mengatakan fenomena turun naik harga disebut sebagai *khaṭar* iaitu risiko kewangan selepas transaksi dan namun dengan ketidaktetapan nilai *bitcoin* pada satu tempoh masa tertentu justeru membawa kepada wujudnya unsur *gharar* yang dilarang syarak. Selain itu, *bitcoin* juga mempunyai harga yang berbeza pada satu tempoh masa (Urquhart 2016). Contohnya CoinDesk memaparkan harga satu *bitcoin* bersamaan 10,121.52 USD pada 27 Julai 2019. *Bitcoin.com* pula memaparkan harga satu *bitcoin* bersamaan 10,134.24 USD manakala *Coinbase* memaparkan harga satu *bitcoin* bersamaan 10,135.00 USD. *Blockonomi* turut memaparkan harga berbeza untuk satu *bitcoin* iaitu 10,146.96 USD dan *Cointelegraph* memaparkan satu *bitcoin* bersamaan 10,136.60 USD. Praktikal sebegini dapat menimbulkan unsur *gharar* dalam mengukur nilai barangan dan perkhidmatan menggunakan *bitcoin*. Abu Hurayrah r.a meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

نَحَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ وَبَيْعِ الْخِصَاةِ.

Maksudnya: Rasulullah s.a.w. melarang jual beli yang samar-samar (*gharar*) dan dari jual beli batu kerikil (Al-Tirmidhi, *Kitāb Kitāb al-Buyūʿ, Bāb Ma Jāʿ fi Karāhiyah Bayʿ al-Gharar*, No. 1230).

Al-Mubārakfūrī (2001) menyatakan *gharar* adalah sesuatu benda yang mempunyai risiko kesamaran pada ketetapan nilai dan fizikalnya sama ada wujud atau tidak.

Muneza & Mustapha (2019) mengatakan bahawa *bitcoin* adalah alat pengukur nilai yang patuh Shariah kerana bertepatan dengan *Maqāṣid al-Sharʿah* iaitu *hiḏ al-Māl* namun dengan *gharar* yang berlaku dalam ketidaktetapan dan kepastian nilai *bitcoin* menghalang dari objektif syariah iaitu ketetapan dan kejelasan nilai bagi mengelakkan kemudaratan dan perselisihan dalam menetapkan nilai barangan dalam urus niaga (Assāf 2019; Ibn ʿAshūr 2001). Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1996) mengatakan bahawa setiap mata wang wajib mempunyai nilai yang tetap dan tepat dalam menjadi alat pengukur nilai barang dan perkhidmatan dan pengukur nilai kekayaan namun dengan ketidaktetapan nilai *bitcoin* serta volatiliti nilai yang mendadak dalam sistem kewangan *bitcoin* menatijahkan ketidakrelevanan *bitcoin* sebagai alat pengukur nilai.

ALAT PENYIMPAN NILAI

Sebagai alat penyimpan nilai, wang membolehkan pemilik kekayaan menggunakan kekayaan yang disimpan digunakan dengan mudah dalam mendapatkan barang dan perkhidmatan kerana wang mudah dicairkan. Wang juga mudah ditukarkan kepada bentuk aset lain seperti rumah, kenderaan, hartanah atau barang perhiasan (Mishkin 2009).

Nilai mata wang perlu kekal stabil dalam memastikan penggunaan mata wang dalam masa yang berbeza. Mata wang *fiat* biasanya mengalami inflasi yang boleh mengurangkan penggunaannya sebagai mata wang yang berfungsi alat penyimpan nilai. Kelebihan *bitcoin* yang sangat penting adalah anti inflasi. Penghasilan *bitcoin* akan terhenti setakat 21 juta unit bagi mengelakkan inflasi (Grinberg 2012; Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015; Negurita 2014; Ram 2019). Sebagai aset, nilai *bitcoin* melonjak naik dengan tinggi 5000% dalam masa dua tahun seperti yang dilaporkan oleh Bank of England (Godsiff 2015). Namun begitu, dengan nilai yang tinggi telah menyebabkan hiperinflasi terhadap nilai *bitcoin* (Barta & Murphy 2015). Contohnya, platform pertukaran *LocalBitcoins* di Zimbabwe telah meminta 104,000 USD untuk satu *bitcoin* ketika harga *bitcoin* berlegar dibawah 10,000 USD. Ini bermakna mereka mengenakan premium hampir 1000% kepada individu yang ingin memiliki *bitcoin* (Emem 2019a).

Menjadikan wang sebagai alat penyimpan nilai pada dasarnya bermaksud melindungi wang daripada kecurian sama ada dengan menyembunyikannya secara fizikal atau meletakkannya ke dalam bank. Strategi untuk menyembunyikan *bitcoin* di bawah tilam atau di tempat lain tidak dapat dilaksanakan kerana mata wang ini tidak mempunyai manifestasi fizikal jika dibandingkan dengan wang *fiat* (European Central Bank 2019; Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015; Yermack 2014).

Walaupun *virtual wallet* yang menyimpan *bitcoin* dilengkapi dengan sistem keselamatan namun ia tidak dapat menjamin keselamatan *virtual wallet* tersebut. Ancaman yang utama dihadapi oleh *bitcoin* adalah ancaman sekuriti siber. Pemilik *bitcoin* boleh kehilangan mata wang maya mereka menerusi pencurian dalam talian. Wang *fiat* memberi kemungkinan kepada pemilik melindungi mata wang yang dimiliki secara perlindungan fizikal seperti menyembunyikan wang di bawah tilam atau mendeposit wang ke dalam bank. Transaksi *bitcoin* sering menjadi subjek serangan siber yang menyebabkan kehilangan *bitcoin* yang dimiliki walaupun Muneeza & Mustapha (2019) menyatakan bahawa sistem disentralisasi *bitcoin* sangat sukar digodam. Contoh yang paling jelas adalah peristiwa *Mt. Gox* yang melibatkan kehilangan *bitcoin* dengan jumlah yang besar pada Februari 2014. Sementara itu, sejak penubuhan *bitcoin* dianggarkan lebih 980,000 *bitcoin* yang bersamaan dengan 3.5 bilion USD telah dicuri dari akaun individu yang terletak di bursa utama *bitcoin*. Pada pertengahan 2016 lebih dari 67.4 juta dari 250 juta USD dicuri dari *blockchain* yang

menggambarkan aplikasi *blockchain* tidak selamat (Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015; Sulkowski 2019; Zaytoun 2019).

Selain dari penggodaman yang menyebabkan kehilangan *bitcoin* yang dimiliki, kecurian dan kehilangan *bitcoin* juga berlaku semasa wujudnya pekanggaran sistem keselamatan, keralatan pengguna atau kegagalan teknologi dalam *virtual wallet* atau semasa proses pertukaran. Kehilangan *bitcoin* juga boleh berlaku jika bekalan elektrik dan internet terputus yang akan menyebabkan kehilangan *bitcoin* dan jumlah yang hilang tidak dapat dikembalikan kerana *bitcoin* mengamalkan konsep *irreversible* (Chudinovskikh & Sevryugin 2019; Zahudi & Amir 2016). Bagi mengekang risiko kecurian dan penggodaman terhadap *virtual wallet* yang menyebabkan kehilangan *bitcoin*, dicadangkan bahawa perlu adanya skim takaful dalam memberi perlindungan kepada *bitcoin* yang dimiliki. Namun pembayaran menggunakan *bitcoin* tidak akan diterima kerana tiada syarikat takaful yang menerima *bitcoin* sebagai instrumen pembayaran dalam takaful (Billah 2019).

Penyimpanan mata wang seperti *bitcoin* sebagai alat penyimpan nilai memungkinkan kekayaan seseorang disimpan dalam bentuk *bitcoin*. Muhammad (2017) mengatakan bahawa *bitcoin* adalah alat penyimpan nilai kerana *bitcoin* boleh digunakan dalam mengukur nilai barangan dan hutang. Shahzad et al. (2019) menyatakan bahawa *bitcoin* adalah pelaburan alternatif yang mempunyai status yang tinggi sama dengan emas dan komoditi namun Meera (2018) menyatakan *bitcoin* tidak dapat menjadi alat penyimpan nilai kerana terdapat ketidakjelasan pada nilai *bitcoin* yang tidak mempunyai sandaran kepada mana-mana komoditi. Beliau menambah bahawa penyimpanan *bitcoin* yang tidak mempunyai sandaran kepada mana-mana material akan mengalami kerugian dan kejatuhan nilai. Dengan turun naik nilai *bitcoin* yang sangat mendadak menjadikan *bitcoin* tidak mempunyai nilai yang tetap dalam menentukan kekayaan yang dimiliki dan dapat mempengaruhi likuiditi *bitcoin* untuk ditukarkan kepada aset lain. *Bitmarket*, laman pertukaran mata wang kripto Poland yang beroperasi sejak 2014 telah menghentikan operasinya tanpa amaran, penutupannya berpunca dari kehilangan likuiditi (Abu Bakar, Rosbi & Uzaki 2017; Acharya, Thomas & Pani 2018; Ghysels & Nguyen 2018; Hundeyin 2019; Parashar & Rasiwala 2018; Shahzad et al. 2019).

Dari itu dengan hiperinflasi yang berlaku ditambah dengan ketiadaan ketetapan harga serta ketiadaan likuiditi, penyimpanan *bitcoin* sebagai alat penyimpan nilai kekayaan adalah tidak relevan dan perlu dijauhi.

FATWA DAN PANDANGAN ILMUAN ISLAM TENTANG BITCOIN

Berdasarkan kepada fungsi-fungsi dan ciri-ciri mata wang yang dibincangkan dalam sistem kewangan

maya *bitcoin* para ilmuwan Islam terbahagi kepada dua pendapat dalam menetapkan status mata wang kripto *bitcoin* ini menurut kaca mata Islam. Penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran adalah harus kerana *bitcoin* adalah mata wang dan harta yang *mutaqawwim* (Muntadā al-Iqtisād al-Islāmi 2018). Kahf (2017) menyatakan bahawa *bitcoin* secara spesifiknya adalah mata wang yang sah. *Bitcoin* menurut Evans (2015) adalah mata wang yang sah dan bebas dari unsur *riba*. Beliau menambah bahawa setiap unit yang diterbitkan dalam pasaran menunjukkan *bitcoin* adalah mata wang sebenar. Kewajipan zakat perlu dikenakan terhadap *bitcoin* kerana mata wang tersebut mempunyai nilai monetari (Adam 2017; Muhammad 2017).

Menurut Abu Bakar (2018) penggunaan *bitcoin* adalah diharuskan dan mata wang tersebut dikategorikan sebagai harta menurut syariah. Taha Karaan dan ulama Afrika Selatan memutuskan bahawa *bitcoin* sebagai *māl* berdasarkan penerimaan umum. Ketiadaan regulasi tidak menjadi masalah buat *bitcoin* untuk dikira sebagai harta. *Darul Uloom Zakaria* turut menyatakan bahawa *bitcoin* adalah *māl* dan boleh digunakan sebagai mata wang. Siraj Desai, mufti Afrika Selatan juga mengatakan *bitcoin* sah digunakan dalam urus niaga sama seperti mata wang sebenar (Mahomed & Mohamad 2017). Penggunaan mata wang digital seperti *bitcoin* adalah lebih dekat dengan konsep *Maqāsīd al-Sharīah* berbanding mata wang *fiat* kerana pengaliran *bitcoin* menerusi *blockchain* dapat memberi penjimatan kos dan masa kepada pelanggan. Selain itu, *blockchain* juga boleh melawan masalah penggubahan wang haram kerana *blockchain* boleh menentukan identiti pemilik *bitcoin* menerusi rekod yang disimpan (Adam 2019; Bakar 2019).

Di sebalik pandangan yang menyokong penggunaan *bitcoin* sebagai mata wang yang sah dalam urus niaga, terdapat pandangan dan fatwa yang mengharamkan penggunaan *bitcoin*. *Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah* (2018) telah memfatwakan pengharaman perdagangan mata wang *bitcoin* kerana *bitcoin* bukanlah instrumen pembayaran yang diterima umum kerana tidak dikeluarkan oleh mana-mana negara. *Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah* menyatakan bahawa pengeluaran mata wang adalah hak mutlak kerajaan dan institusi kewangan rasmi sesebuah negara. Sebagai instrumen pembayaran *bitcoin* tidak menepati ciri-ciri dan syarat mata wang dan transaksi *bitcoin* terkandung unsur *gharar*. *Bitcoin* juga merupakan alat yang sangat ideal untuk transaksi yang melanggar undang-undang dan volatiliti *bitcoin* yang sangat tinggi membawa kepada *khatar* dan *darar*. Fatwa pengharaman terhadap *bitcoin* turut dikeluarkan oleh *al-Hay'ah al-ʿAmmah li al-Shu'ūn al-Islāmiyyah wa al-Awqāf* (2018) kerana penggunaan *bitcoin* tidak menepati Syariah dan undang-undang. *Dār al-Iftā' al-Filistīniyyah* (2018) turut memfatwakan pengharaman *bitcoin* kerana wujud perbezaan nilai yang sangat ketara. *Bitcoin* tidak mempunyai *ʿillat al-Thamaniyyah* kerana mata wang tersebut tidak

diterima umum sebagai instrumen pembayaran. Penjualan dan pembelian *bitcoin* adalah dilarang kerana tergolong dalam *bayʿ al-Majhūl* dan *bayʿ al-Gharar*. Penggunaan *bitcoin* adalah haram kerana mengandungi *gharar fāhish* yang membawa kepada perjudian.

Turkey Directorate of Religious Affairs atau *Diyanet* (2017) menyatakan bahawa penjualan dan pembelian mata wang maya seperti *bitcoin* tidak menepati syariah kerana terkandung unsur spekulasi dan kebolegunaan *bitcoin* dengan mudah untuk kegiatan yang melanggar undang-undang seperti penggubahan wang haram. Pendapat yang mendokong dan mengiktiraf *bitcoin* sebagai mata wang ditolak oleh *majlis al-Ulama* Afrika Selatan dan pihak *majlis al-Ulama* menyatakan mata wang yang diiktiraf syariah adalah mata wang yang legal di sisi kerajaan. Pelarangan penggunaan *bitcoin* juga adalah disebabkan pemilikan dan pertukaran melibatkan perjudian. *Wifaqul Ulama, Haitham al-Haddad, Dār al-Iftā' Deoband, Imran Husain, dan Assim al-Hakeem* turut menyatakan bahawa *bitcoin* adalah haram kerana tidak dikeluarkan oleh mana-mana negara dan wujud unsur perjudian dalam *mining bitcoin*. Selain itu, volatiliti harga *bitcoin* yang ekstrim dan kebolegunaannya dalam pembiayaan keganasan merupakan risiko yang serius (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2019; Mahomed & Mohamad 2017; Haq & Ali 2018). Mufti Wilayah Persekutuan, Zulkifli Mohamad al-Bakri (2018) turut memfatwakan bahawa penggunaan *bitcoin* sebagai mata wang adalah dilarang kerana tidak syarie.

Ali al-Qarahdāghi turut menyatakan bahawa hukum penggunaan *bitcoin* dan mata wang kripto adalah tidak harus menurut syarak namun mata wang kripto berpotensi menjadi mata wang patuh syariah dengan menyediakan badan regulator dalam mengawal selia pergerakan dan peredaran mata wang kripto. Beliau juga mencadangkan mata wang kripto perlu diterbitkan oleh pihak kerajaan dalam langkah meregulasi mata wang tersebut. Namun timbalan gabenor *Bank of Japan*, Masayoshi Amamiya, memberi amaran bahawa penciptaan kripto oleh bank pusat boleh memberi kesan negatif terhadap ekonomi. Abdus Sattar Abu Ghuddah turut berpendapat bahawa hukum penggunaan *bitcoin* adalah tidak harus menurut syarak kerana *bitcoin* tidak diterima umum dan tidak disokong oleh pemerintah (Adam 2019; Emem 2019b).

STATUS *BITCOIN* SEBAGAI ALAT PEMBAYARAN DALAM AKAD JUAL BELI

Berdasarkan kepada pernyataan dan pandangan serta fatwa yang dikeluarkan berkaitan status *bitcoin* menurut neraca syarak dapat dilihat bahawa para ilmuwan Islam telah berselisih pendapat dalam menentukan status *bitcoin*. Pandangan pertama menyatakan keharusan penggunaan *bitcoin* sebagai mata wang dan *bitcoin* memenuhi ciri-ciri mata wang seperti nilai harga dan *mutaqawwim*. Mereka berpandangan bahawa hukum asal penggunaan dan

penerimaan *bitcoin* sebagai mata wang adalah harus kecuali wujud dalil yang mengharamkan penggunaannya. Selain itu, mereka berhujah bahawa *bitcoin* adalah *māl mutaqaawwim* kerana reality semasa menerimanya sebagai mata wang dan mempunyai nilai monetari. Ketiadaan regulasi bukanlah satu masalah dalam praktikal penggunaan *bitcoin* sebagai mata wang.

Pandangan kedua menyatakan bahawa penggunaan *bitcoin* sebagai mata wang adalah haram menurut syarak. Mereka berhujah bahawa *bitcoin* tidak menepati ciri-ciri mata wang yang sah. Selain itu, transaksi *bitcoin* mengandungi unsur *gharar* yang membawa kepada *khatar* dan *gharar*. Tambahan lagi, mereka berhujah pengharaman *bitcoin* berkait dengan ketiadaan badan berautoriti dalam meregulasi dan mengawasi *bitcoin* di samping kemudahan eksploitasi *bitcoin* untuk kegiatan jenayah dan keganasan. Mereka menambah bahawa volatiliti yang ekstrim membawa kepada spekulasi yang besar dan ketidakstabilan nilai.

Sebagai alat pembayaran alternatif, penggunaan *bitcoin* dalam urus niaga secara umumnya adalah diharuskan berdasarkan kepada firman Allah s.w.t. (al-Baqarah 2:275):

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Maksudnya: Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan *riba*.

Selama urus niaga bersih dan suci dari unsur *gharar* dan *riba* yang dilarang Islam, penggunaan mata wang sebagai alat pembayaran dalam urus niaga jual beli adalah halal dan diharuskan. Pengharusan penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran dalam akad jual beli termasuk dalam kaedah pengharusan iaitu:

الأصل في الأشياء الإباحة

Maksudnya: Hukum asal bagi sesuatu perbuatan atau pengamalan adalah harus (Al-Suyuti 2006).

Walaupun penggunaan *bitcoin* disandarkan kepada kaedah pengharusan, penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran dalam akad jual beli Islam perlu menepati lunas-lunas syarak seperti rukun dan syarat jual beli agar proses urus niaga yang dijalankan tidak terkandung unsur-unsur yang dilarang syarak yang sekaligus menjadikan jual beli tersebut tergolong dalam jual beli yang haram dalam Islam.

Dalam akad jual beli terdapat tiga rukun iaitu *al-Āqid*, *al-Ma^cqūd alayh* dan *al-Ṣīghah* (Al-Buhūti 2000; Al-Sharbīni 1997; Ibn ʿĀbidīn 2003; Ibn Shāsh 2013). *Al-Āqid* merupakan individu yang terlibat dalam transaksi iaitu penjual dan pembeli. *Al-Ma^cqūd alayh* adalah barang jualan dan *al-Ṣīghah* merupakan lafaz penerimaan barang dari pembeli dan lafaz penerimaan nilai harga barang jualan oleh penjual yang juga disebut *al-Ījāb wa al-Qabūl* (Al-Zuhayli 1985).

Al-Āqid yang terlibat dalam urus niaga perlulah sorang yang berakal dan baligh (Al-Sharbīni 1997; Ibn Qudāmāh 1995; Ibn Rushd 1994) Namun *al-Hanafīyyah* tidak mensyaratkan *al-Bulūgh* sebagai

syarat bagi *al-Āqid* (Al-Kāsāni 2003; Ibn ʿĀbidīn 2003). Urus niaga yang dilakukan oleh *al-Āqid* perlu berpaksi kepada saling meredai dan tiada unsur keterpaksaan (Al-Zuhayli 1985). Allah s.w.t. berfirman (al-Nisā' 4:29):

إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ

Maksudnya: Kecuali perniagaan yang dilakukan dengan saling meredai satu sama lain.

Dalam urus niaga yang melibatkan penggunaan *bitcoin*, syarat berakal dipenuhi kerana mana mungkin seorang yang kurang berakal dapat menggunakan *bitcoin* yang sangat kompleks sebagai alat pembayaran. Syarat saling meredai dalam penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran juga dapat dipenuhi kerana setiap urus niaga yang dilangsungkan berlandaskan kepada konsep saling meredai.

Transaksi *bitcoin* hanya berlangsung melalui aplikasi secara dalam talian yang menyebabkan majlis akad antara penjual dan pembeli (*al-Āqid*) tidak dapat dilakukan secara hakiki pada satu majlis akad. Oleh itu, majlis akad menggunakan *bitcoin* perlu dijalankan oleh *al-Āqid* secara majlis akad *hukmi*. Menurut al-Qarahdāghī (1990) terdapat beberapa garis panduan yang perlu dipatuhi bagi majlis akad *hukmi* yang dilakukan secara dalam talian:

- Mestilah mendapatkan kepastian bahawa pihak yang dihubungi secara dalam talian adalah pihak sebenar.
- Bagi majlis akad yang dilakukan melalui perbualan telefon, majlis akad bermula apabila lafaz akad dimulakan dan berakhir apabila perbualan telefon tamat.
- Majlis akad yang dilakukan menerusi e-mel, faksimili atau telegram bermula ketika penawaran sampai kepada pihak yang ditawarkan. Majlis akad dikira berakhir jika pihak yang ditawarkan menolak tawaran atau beralih kepada perkara lain tanpa membuat pengesahan penerimaan (*qabūl*).

Majlis akad *hukmi bitcoin* sudah tentu boleh dilakukan dengan mudah dan menepati garis panduan yang ditetapkan kerana urus niaga *bitcoin* berlangsung dalam *blockchain* iaitu platform yang mengurus transaksi pengguna *bitcoin* secara *online* (Nakamoto 2008; Negurita 2014). Walaupun Abu Bakar, Rosbi & Uzaki (2017) menyatakan bahawa identiti *al-Āqid* dalam transaksi *bitcoin* adalah *anonymous* dan dapat menimbulkan keraguan pada pihak yang menjalankan transaksi namun *bitcoin* memenuhi syarat *al-Āqid* kerana yang diperlukan adalah saling meredai dalam majlis akad jual beli.

Al-Ma^cqūd alayh adalah barang jualan dalam urus niaga dan nilai harga barang iaitu mata wang (Al-Buhūti 2000; Al-Jāwī 2002). Bagi memastikan *bitcoin* menjadi alat pembayaran yang sah menurut syarak, *bitcoin* perlu menepati syarat yang telah ditetapkan sebagai *al-Ma^cqūd alayh*. Barang jualan yang ditawarkan dalam urus niaga perlulah *ʿayn* yang suci dan benda bernilai yang memberi manfaat kepada pembeli. Selain itu, barang jualan perlulah benda yang dimiliki penjual dan barang jualan juga hendaklah

benda yang mudah diserahkan kepada pembeli setelah selesai akad jual beli. Disyaratkan bagi *al-Ma'qūd 'alayh* mestilah wujud dalam urus niaga agar kadar, sifat dan jenis barang jualan tersebut diketahui dengan jelas oleh pembeli (Al-Dardīr 1986; Al-Kāsāni 2003; Al-Sharbīni 1997; Al-Buhūti 1983, 2000).

Namun begitu, penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran dilihat tidak menepati syarat sebagai *al-Ma'qūd 'alayh*. Ini kerana setiap transaksi yang dilakukan menggunakan *bitcoin* sebagai *al-Ma'qūd 'alayh* dirahsiakan kerana sistem kewangan *bitcoin* berpaksi kepada konsep *anonymity* yang merahsiakan maklumat urus niaga dan barang jualan yang dilakukan. Walaupun transaksi yang melibatkan *bitcoin* direkodkan dalam *blockchain* namun maklumat tentang identiti individu dan barang jualan yang terlibat tetap kekal *anonymous* (Nakamoto 2008; Grinberg 2012; McCallum 2015; Baur, Hong & Lee 2018).

Al-Ma'qūd 'alayh yang ditawarkan dalam sistem kewangan *bitcoin* perlu wujud dan diketahui identiti, kadar dan sifat agar urus niaga tersebut tidak tergolong dalam *bay' al-Majhūl* yang dilarang dalam Islam (Al-Buhūti 1983; Al-Fāsi 2011; Al-Jāwī 2002; Ibn 'Ābidīn 2003). Namun syarat agar *al-Ma'qūd 'alayh* wujud dan didedahkan identiti dalam transaksi *bitcoin* tidak dapat dipenuhi kerana ia bercanggah dengan konsep *anonymity* yang sangat menjaga maklumat dari terdedah bagi merealisasikan konsep *freedom of payments* yang dianuti oleh sistem kewangan *Bitcoin* (Nakamoto 2008; Luther 2016). Ini menyebabkan wujudnya unsur *gharar* pada *al-Ma'qūd 'alayh* dalam urus niaga *bitcoin* dan urus niaga ini perlu dijauhi kerana ia dilarang dalam Islam (Abu Bakar, Rosbi & Uzaki 2017; Oziev & Yandiev 2018). *Abu Hurayrah* r.a meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

نَحَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الْحَصَاةِ وَبَيْعِ الْغَرَرِ.

Maksudnya: Nabi s.a.w. melarang dari jual beli batu kerikal dan jual beli yang samar-samar (*gharar*). (Muslim, *Kitab al-Buyū'*, Bab *Buṭlān Bay' al-Ḥaṣāh wa al-Bay' alladhī fīhī gharar*, nombor 1513).

Al-Nawawi (1994) menyatakan jual beli hamba yang lari, jual beli barang yang tiada, jual beli barang yang tidak diketahui, jual beli barang yang belum menjadi milik penjual, jual beli ikan di dalam air, jual beli susu yang masih dalam kantung haiwan, jual beli janin binatang yang masih dalam perut, jual beli makanan dalam keadaan tidak jelas timbangan, jual beli barangan pakaian tanpa ditentukan jenis dan bentuk, menjual kambing yang dalam kawanan tanpa ditentukan tergolong dalam urus niaga yang *bāṭil* kerana terdapat unsur *gharar* dalam *al-Ma'qūd 'alayh*. Transaksi urus niaga menggunakan *bitcoin* sebagai alat pembayaran kerana terkandung unsur *gharar fāḥish* kerana ketiadaan manifestasi fizikal *bitcoin* serta ketidakpastian maklumat yang jelas tentang barang jualan dari segi kadar, sifat dan jenis yang mengkategorikan *al-Ma'qūd 'alayh* dalam akad jual beli *bitcoin* sebagai *majhūl*. Walaupun ketidakpastian keadaan barang dalam urus niaga *online*

menggunakan wang *fiat* turut berlaku yang menatijahkan ketidaksamaan jenis atau saiz semasa penerimaan barang atau penipuan, pengguna boleh melaporkan keralatan tersebut kepada pihak berkuasa kerana wang *fiat* dikawal selia oleh pihak pemerintah. Status wang *fiat* sebagai *al-Ma'qūd 'alayh* tetap jelas kerana wang *fiat* wujud dengan manifestasi fizikal (Muhammad Amir Husairi & Ahmad Dahlan 2019).

Setiap *al-Ma'qūd 'alayh* yang ditawarkan dalam sistem *bitcoin* perlu milik penjual sepenuhnya namun *al-Ma'qūd 'alayh* yang ditawarkan dalam urus niaga perlulah benda yang memberi manfaat dan suci dari segala najis (Al-Buhūti 2000; Al-Dardīr 1986; Al-Kāsāni 2003; Al-Subki 1991). Urus niaga yang menawarkan barang jualan yang tidak bermanfaat seperti arak, khinzir, dadah dan sebagainya adalah tidak sah menurut syarak dan urus niaga tersebut adalah *fāsid* (Al-Zuhayli 1985). Allah s.w.t berfirman (al-Mā'idah 5:90):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan tilik nasib menggunakan batang-batang anak panah adalah kotor dan keji dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Kesamaran identiti *al-Ma'qūd 'alayh* yang menggunakan *bitcoin* sebagai alat pembayaran membuka ruang yang luas kepada wujudnya unsur *gharar* dalam urus niaga. Ini kerana *al-Ma'qūd 'alayh* yang diperdagangkan dalam sistem kewangan *bitcoin* tidak diketahui dengan jelas identitinya sama ada bermanfaat atau tidak. Setiap benda *majhūl* dan tidak diketahui identitinya tidak boleh menjadi *al-Ma'qūd 'alayh* kerana ia membawa kepada *gharar* yang dilarang dalam Islam (Al-Nawawi 1994). Dengan konsep *anonymity* yang disediakan dalam sistem kewangan *bitcoin* pengguna dengan mudah mendapatkan barangan dan perkhidmatan yang tidak memberi manfaat dan menyalahi undang-undang seperti urus niaga melibatkan penjualan narkotik, senjata, perjudian atau pemerdagangan seksual. Sebagai contoh *AlphaBay*, pasaran *online* terbesar yang menawarkan sebanyak 350,000 item yang menyalahi undang-undang seperti dadah, senjata, *malware* dan pornografi (Fanusie & Robinson 2018; Foley, Karlsen & Putnins 2019; Grinberg 2012; Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015; Mills & Nower 2019; Lovell 2019; Lu 2019; Negurita 2014; Trautman & Harrel 2017).

Penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran dilihat memberikan manfaat kepada penggunaannya dengan penyediaan konsep *peer-to-peer* yang memberi kebebasan dalam menjalankan transaksi serta *anonymity* yang menjaga kerahsiaan maklumat *al-Ma'qūd 'alayh* dalam transaksi (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2019; Foley, Karlsen & Putnins 2019; Nakamoto 2008; Negurita 2014; Yermack 2014) namun penggunaan *bitcoin* sebagai *al-Ma'qūd 'alayh* dan alat pembayaran dalam urus niaga perlu disekat kerana mudarat yang terkandung *bitcoin* lebih

besar iaitu kemudahan dan kebolegunaan *bitcoin* untuk urus niaga barangan terlarang berbanding dengan mudarat yang disediakan. Dengan *anonymity* yang disediakan *bitcoin* sangat ideal untuk penipuan dalam urus niaga kerana wujud kemustahilan dalam menjejaki dan mengawasi pergerakan *bitcoin* (Amarnath 2018; Bodarenko, Kichuk & Antonov 2019; Xie 2019). Walaupun wang *fiat* jugat turut dieksploitasi sebagai alat pembayaran dalam mendapatkan barangan terlarang namun pergerakan dan peredaran wang *fiat* boleh dikesan dengan mudah berbeza dengan *bitcoin* yang dilindungi *anonymity*. Kaedah fiqh menyebutkan:

لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya: Tidak ada sebarang mudarat dan tidak mendatangkan sebarang mudarat (Al-Suyūṭi 2006).

Oleh itu, setiap urus niaga yang tidak memberikan manfaat dan menyalahi undang-undang adalah urus niaga yang batil dan perlu dijahui.

Al-Ṣīghah merupakan lafaz penerimaan barang jualan dan nilai harga barang jualan antara pihak pembeli dan penjual. *Al-Ṣīghah* merupakan lambang kepada penjual dan pembeli saling meredai dalam dalam majlis akad (Al-Tasūli 1998). Penjual dan pembeli perlu wujud dalam majlis akad bagi melafazkan akad penerimaan dan penyerahan barang sama ada lafaz tersebut dilakukan secara *ṣarīh* (jelas) atau secara *kināyah* (kiasan) (Al-Zuhayli 2012). Dalam urus niaga yang menggunakan *bitcoin*, majlis akad dan *qabḍ* dilakukan secara *hukmi* kerana *al-ʿĀqid* menjalankan transaksi *bitcoin* hanya melalui aplikasi dalam talian. Lafaz *al-Ījāb wa al-Qabūl* dalam urus niaga *bitcoin* juga dilihat dapat dilakukan sama ada *ṣarīh* atau *kināyah*. Namun, dengan ketidakpastian dan kesamaran identiti *al-ʿĀqid* dan *al-Maʿqūd ʿalayh*, lafaz *al-Ījāb wa al-Qabūl* tidak dapat dilakukan kerana kesamaran maklumat yang berlaku dan ia menunjukkan wujudnya unsur *gharar* yang dilarang dalam Islam (Abu Bakar, Rosbi & Uzaki 2017; Asif 2018). Jika lafaz *al-Ījāb wa al-Qabūl* dalam transaksi *bitcoin* dianggap sebagai *bayʿ al-Muʿāṭāh* tetap lafaz tersebut terbatal kerana *bayʿ al-Muʿāṭāh* memerlukan barang jualan dan nilai harga barang iaitu mata wang wujud dalam akad jual beli (al-Zuhayli 1985).

BITCOIN DALAM BAYʿ AL-ṢARF

Sebagai mata wang yang muncul dalam versi tunai elektronik *Bitcoin* juga sudah tentu akan digunakan dalam urus niaga pertukaran dengan barangan *ribawi* (Zahudi & Amir 2016). Menurut al-Zuhayli (2012) dalam proses pertukaran yang melibatkan barang *ribawi*, terdapat empat syarat yang perlu dipatuhi iaitu:

- Wujudnya majlis akad atau disebut sebagai kontrak.
- Pertukaran barang yang sama jenis mestilah sama pada nilai, timbangan dan sukatan.
- Proses serah terima mata wang (*al-Taḳābuḍ*) perlulah dilakukan secara langsung (*al-Ḥulūl*) dalam majlis akad.

d) Proses pertukaran tidak boleh dilakukan secara bertangguh.

Keempat-empat syarat ini disusun berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh *ʿUbādah ibn al-Ṣāmit* r.a bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

الذهب بالذهب والفضة بالفضة والبر بالبر والشعير بالشعير والتمر بالتمر والملح بالملح مثلا بمثل سواء بسواء يدا بيد فإذا اختلفت هذه الأصناف فبيعوا كيف شئتم إذا كان يدا بيد.

Maksudnya: Emas ditukar dengan emas, perak ditukar dengan perak, gandum ditukar dengan gandum, barli ditukar dengan barli, tamar ditukar dengan tamar, garam ditukar dengan garam, jualan mestilah sama pada tukaran, sama pada timbangan, tangan dengan tangan (pertukaran barangan mesti dilakukan secara tunai dalam majlis akad tanpa penangguhan pembayaran). Apabila barangan ini berbeza dari segi tukaran, maka juallah barangan tersebut mengikut kehendak kamu (tidak disyaratkan sama pada timbangan) dan pertukaran perlulah dilakukan secara tunai dalam majlis akad tanpa sebarang penangguhan pembayaran. (Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Musāqāt, Bāb al-Ṣarf wa Bayʿ al-Dhahab bi al-Wariq Naqdan*, no. 1587)

